



24 September 2024
24 September 2024
P.U. (A) 253

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN
(INSURANS PERLINDUNGAN DAN INDEMNITI
BERKENAAN DENGAN KAPAL) (PENGECUALIAN) 2024

*FINANCIAL SERVICES (PROTECTION AND INDEMNITY
INSURANCE IN RESPECT OF SHIPS)
(EXEMPTION) ORDER 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (INSURANS PERLINDUNGAN DAN INDEMNITI BERKENAAN DENGAN KAPAL) (PENGECUALIAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 263 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Menteri, atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan (Insurans Perlindungan dan Indemniti berkenaan dengan Kapal) (Pengecualian) 2024**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 25 Mac 2024 dan hendaklah terus berkuat kuasa hingga 24 Mac 2027.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

(a) “insurans perlindungan dan indemniti” ertinya insurans perlindungan dan indemniti yang ditawarkan sama ada—

(i) secara usaha sama dengan Perlindungan dan Indemniti Malaysia Sdn. Bhd.; atau

(ii) secara pengaturan insurans bersama dengan suatu penanggung insurans berlesen di bawah Akta;

(b) “kapal Malaysia” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 11(1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [*Ord. 70/1952*].

Pengecualian daripada perenggan 8(1)(a) Akta

3. Menteri mengecualikan orang yang berikut daripada pemakaian perenggan 8(1)(a) Akta bagi maksud menjalankan perniagaan insurans yang berhubungan dengan insurans perlindungan dan indemniti:

- (a) berkenaan dengan suatu kapal Malaysia dengan 300 berat tan kasar atau kurang, Archipelago Insurance Limited (No. Lesen IS2013136), suatu pemegang lesen insurans di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*]; dan
- (b) berkenaan dengan suatu kapal dengan 30,000 berat tan kasar atau kurang, yang tidak terhad kepada kapal Malaysia,—
 - (i) Great American Insurance Company (Singapore Branch), suatu penanggung insurans yang dilesenkan di Singapura;
 - (ii) Maritime Mutual Insurance Association (NZ) Limited, suatu penyedia perkhidmatan kewangan yang didaftarkan di New Zealand; dan
 - (iii) anggota Kumpulan Kelab Perlindungan dan Indemniti Antarabangsa (IGP&I).

Pengecualian daripada subseksyen 127(1) Akta

4. Mana-mana orang yang membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa kontrak berkenaan dengan insurans perlindungan dan indemniti bagi suatu kapal dengan orang yang dikecualikan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3 dikecualikan daripada pemakaian subseksyen 127(1) Akta.

Dibuat 20 September 2024

[MOF.SID(S)700-1/2/20(SK.6); PN(PU2)717/JLD.4]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

FINANCIAL SERVICES ACT 2013

FINANCIAL SERVICES (PROTECTION AND INDEMNITY INSURANCE
IN RESPECT OF SHIPS) (EXEMPTION) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by section 263 of the Financial Services Act 2013 [Act 758], the Minister, upon the recommendation of the Bank, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Financial Services (Protection and Indemnity Insurance in respect of Ships) (Exemption) Order 2024**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 25 March 2024 and shall continue to be in operation until 24 March 2027.

Interpretation

2. In this Order—

(a) “protection and indemnity insurance” means the protection and indemnity insurance offered either—

(i) in collaboration with Perlindungan dan Indemniti Malaysia Sdn. Bhd.; or

(ii) in a co-insurance arrangement with a licensed insurer under the Act;

(b) “Malaysian ship” has the meaning assigned to it in subsection 11(1) of the Merchant Shipping Ordinance 1952 [*Ord. 70/1952*].

Exemption from paragraph 8(1)(a) of the Act

3. The Minister exempts the following person from the application of paragraph 8(1)(a) of the Act for the purpose of carrying on insurance business relating to protection and indemnity insurance:

- (a) in respect of a Malaysian ship of 300 gross tonnage or less, Archipelago Insurance Limited (Licence No. IS2013136), an insurance licensee under the Labuan Financial Services and Securities Act 2010 [Act 704]; and
- (b) in respect of a ship of 30,000 gross tonnage or less, which is not limited to Malaysian ship,—
 - (i) Great American Insurance Company (Singapore Branch), an insurer licensed in Singapore;
 - (ii) Maritime Mutual Insurance Association (NZ) Limited, a financial service provider registered in New Zealand; and
 - (iii) the members of the International Group of Protection and Indemnity Clubs (IGP&I).

Exemption from subsection 127(1) of the Act

4. Any person who enters into or causes to be entered into any contract in respect of protection and indemnity insurance for a ship with a person exempted as specified in paragraph 3 is exempted from the application of subsection 127(1) of the Act.

Made 20 September 2024
[MOF.SID(S)700-1/2/20(SK.6); PN(PU2)717/JLD.4]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Finance Minister II